

U GB 18-01 00146 BH781

aab

Pindaan - krisis

RAJA-RAJA TUKAR FIKIRAN, CETUSKAN KRISIS PERLEMBAGAAN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Kerajaan hari ini meneruskan cadangannya untuk melupuskan imuniti raja-raja dengan membentangkan rang undang-undang pindaan perlembagaan walaupun raja-raja, yang sehingga semalam membayangkan persetujuan mereka, menyatakan pendirian lain pada saat-saat akhir.

Perkembangan di luar dugaan ini dijangka mencetuskan krisis perlembagaan yang mungkin lebih buruk daripada apa yang pernah dialami, kata pemerhati.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentangkan rang undang-undang pindaan perlembagaan pada persidangan khas Dewan Rakyat petang ini, tidak sampai dua jam selepas Majlis Raja-raja mengeluarkan kenyataan mengumumkan Raja-raja Melayu tidak bersetuju dengan pindaan itu.

Satu krisis dijangka timbul memandangkan fasal 38 (4) Perlembagaan memperuntukkan bahawa tiada apa-apa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran raja-raja boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-raja. -- Lagi

▼18/01/20-45MST

U GB 18-01 00150 BH782

aab

Pindaan - krisis 2 Kuala Lumpur

Kenyataan raja-raja tengah hari ini memeranjatkan pelbagai pihak memandangkan gambaran yang diperolehi daripada pertemuan mereka dengan pemimpin kerajaan pada hari Sabtu dan semalam memberi harapan satu penyelesaian akan tercapai hari ini.

Dr Mahathir memberitahu pemberita malam ini beliau tidak tahu apa yang telah berlaku pada hari ini.

"Kita percaya daripada perbincangan kita (dengan enam raja pada pertemuan tidak rasmi semalam) bahawa mereka bersetuju. Sekurang-kurangnya enam daripada mereka bersetuju.

"Tetapi nampaknya hari ini lain langsung. Walaupun kita telah berlembut dan telah berbincang secara mendalam mengenai penubuhan Mahkamah Khas, tetapi nampaknya perbincangan itu tidak bermakna langsung."

Enam raja yang menghadiri persidangan tidak rasmi semalam memberi gambaran mempersetujui cadangan pindaan tersebut dengan beberapa tambahan.

Tambahan ini dipersetujui oleh pihak kerajaan, termasuk permintaan mereka bagi peruntukan menubuhkan Mahkamah Khas bagi membicarakan raja-raja.

-- Lagi

▼18/01/20-49MST

U GB 18-01 00171 BH783

aab

Pindaan - krisis 3 Kuala Lumpur

Menurut pemerhati, krisis bagaimanapun masih boleh dielakkan sekiranya Raja-raja Melayu memberikan persetujuan mereka sebelum Yang Di-pertuan Agong memberi perkenan kepada rang undang-undang itu selepas diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Dr Mahathir sendiri, dalam ucapannya ketika membentangkan rang undang-undang itu, berkata beliau berharap raja-raja akan menerima dan meluluskan pindaan tersebut selepas ia diluluskan.

Raja-raja pula, dalam kenyataan mereka, tidak secara khusus menolak pindaan itu tetapi mahu mengadakan perbincangan dan perundingan lanjut dengan kerajaan.

Mereka menyatakan bahawa mereka juga sensitif kepada aspirasi rakyat yang inginkan kebenaran dan keadilan.

Menurut pemerhati, sekiranya inilah sebenarnya isi hati raja-raja Melayu, maka penyelesaian tidaklah mustahil.

Sekiranya raja-raja masih enggan memberi persetujuan mereka selepas ini, kerajaan telah menyatakan kesediaannya menghadapi sebarang kemungkinan, seperti pertikaian di mahkamah.

Pemerhati berkata pokok persoalan sekarang bukan lagi sekadar kedudukan raja-raja tetapi amalan demokrasi berparlimen di Malaysia, yang menurut Dr Mahathir, tidak akan dapat wujud sepenuh dan sebenarnya. -- Lagi

▼18/01/20-55MST

CNS8329

U GB 18-01 00119 BH784

aab

Pindaan - krisis 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Reaksi pembangkang terhadap perkembangan hari ini berbelah bagi.

Presiden Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah ketika berucap sebelum bertindak keluar dewan bersama-sama dengan empat orang lagi anggota parlimen partinya merayu kerajaan dan pihak-pihak lain supaya jangan berkonfrontasi dengan raja-raja.

"Jangan tutup pintu rundingan. Berundinglah dengan mereka. Selesaikan masalah ini dengan sebaik-baiknya," kata beliau.

Ketua Pembangkang dan Setiausaha Agung DAP Encik Lim Kit Siang menyokong rang undang-undang itu tetapi menyatakan keraguannya tentang kesahihan rang undang-undang itu kerana ia tidak mendapat persetujuan raja-raja.

Timbalan Yang DiPertua PAS Haji Hadi Awang juga menyokong tetapi mahu ia diselaraskan dengan kehendak agama Islam. -- Bernama

▼18/01/20-57MST